

# Pemimpin UMNO lega Dr. Mahathir tarik balik keputusan

UM 23 JUN 2002

KUALA LUMPUR 22 Jun — Para pemimpin UMNO di semua peringkat lega apabila Presiden parti, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menarik semula keputusannya untuk melepaskan kesemua jawatan dalam parti setelah diumumkannya secara mengejut di hari akhir Perhimpunan Agung UMNO hari ini.

Menurut mereka, kepimpinan Dr. Mahathir sebagai Presiden UMNO dan Perdana Menteri masih diperlukan bagi seluruh bangsa Malaysia setelah beliau berjaya memimpin negara mengharungi pelbagai kemelut yang melanda negara.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kedah, **Tan Sri Dr. Abdul Hamid Othman** berkata, beliau amat terperanjat dengan pengumuman Dr. Mahathir.

“Sebelum ini beliau tidak menunjukkan langsung hasrat untuk berbuat demikian malah baru sahaja menyatakan UMNO kini lega daripada pelbagai masalah.

“Saya pada mulanya menyangka beliau hanya mahu mengumumkan peletakan jawatan sebagai Bendahari UMNO,” katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas Timbalan Presiden, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengumumkan Dr. Mahathir bersetuju untuk terus memimpin UMNO.

Beliau yang juga Penasihat Agama Kepada Perdana Menteri berkata, Dr. Mahathir tidak pernah kecewa dengan tugasnya kecuali merungut tentang kesukaran-kesukaran yang dihadapinya tetapi itu dianggap sebagai perkara biasa.

UMNO Kedah katanya, berdiri teguh di belakang Dr. Mahathir untuk terus memegang jawatan Presiden parti demi bangsa, agama dan negara.

Anggota MT, **Datuk Harun Hassan** berkata, pengumuman Perdana Menteri begitu menyentuh perasaan seluruh ahli dan juga rakyat pelbagai kaum.

“Selama ini kita tidak pernah membayangkan ketiadaannya. Sebaik sahaja beliau mengumumkan, saya merasa amat kehilangan. Ramai yang menangis, mengingatkannya bahawa beliau tidak keseorangan.

“Kita telah sekian lama belajar menyintai, mempercayainya sekian lama untuk memimpin bangsa dan negara. Kita yakin dengan keikhlasannya,” ujar beliau.

Seorang lagi anggota MT, **Datuk Azmi Khalid** berkata, Perdana Menteri tidak pernah membayangkan ba-

hawa beliau akan melepaskan jawatan semasa perhimpunan ini.

“Kami dalam MT sendiri merasai kejutan yang amat sangat. Beliau mengatakan sudah terlalu lama menerajui negara. Tetapi bagi kita, beliau masih diperlukan.

“Kita tahu menilai kaca dan permata. Kita merayu dan berdoa beliau tidak meninggalkan kita dalam waktu yang singkat,” ujar Azmi.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Kedah, **Ariffin Man** pula berkata, kepimpinan Dr. Mahathir masih diperlukan walaupun banyak jasa yang telah beliau taburkan.

“Kita tidak tahu mesej sebenar Presiden parti berbuat demikian dan juga punca sehingga menyebabkan beliau membuat keputusan untuk melepaskan jawatan,” katanya.

Menurutnya, Pergerakan Pemuda UMNO Kedah akan bertemu dengan Dr. Mahathir yang juga Ketua UMNO Bahagian Kubang Pasu selepas ini bagi menyatakan sokongan terhadap beliau.

---

## Membenarkan

Setiausaha UMNO Bahagian Kubang Pasu, **Samsuddin Ahmad** berkata, UMNO Kubang Pasu tidak sekali-kali akan membenarkan Dr. Mahathir melepaskan jawatannya itu.

“Bagi pihak UMNO Kubang Pasu kita berasa bersyukur apabila Dr. Mahathir menarik semula keputusannya,” ujar beliau.

Ketua UMNO Bahagian Kulim, **Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir** berkata, Dr. Mahathir ketika dipujuk oleh pemimpin UMNO agar menarik balik keputusannya itu hanya memberitahu beliau sudah berusia dan telah terlalu lama bagi beliau memimpin parti.

Menurutnya, ahli UMNO masih memerlukan kepimpinan Dr. Mahathir kerana beliau merupakan seorang pemimpin yang berwibawa dan telah berjaya memimpin negara dengan baik.

Ketua UMNO Bahagian Pasir Mas, **Datuk Ibrahim Ali** berkata, Dr. Mahathir telah melakukan segala usaha ke arah mengubah bangsa namun di sebalik segala usahanya beliau tidak sunyi daripada kecaman sedangkan ia dilakukan dengan ikhlas.

“Apa sahaja yang beliau lakukan demi negara dan bangsa selama ini harus dilihat apa yang tersirat berbanding apa yang tersurat,” ujar Ibrahim.